

1,000 sukarelawan YSS bantu mangsa banjir di Kemaman

KEMAMAN 25 Dis. - Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) baru-baru ini melakukan Misi Sukarelawan Siswa Bantuan Banjir bagi membantu mangsa-mangsa yang terlibat terutama di kawasan Kemaman, Terengganu.

Misi tersebut yang diketuai Pengerusi YSS, Datuk Zuraidah Atan disertai kira-kira 1,000 sukarelawan siswa yang mewakili pelbagai institusi pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi Mara Melaka, Universiti Sains Malaysia Kubang Krian, Universiti Putra Malaysia Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Malaya.

Yang turut sama, Ahli Dewan Undangan Negeri Air Putih, Wan Abdul Hakim Tan Sri Wan Mohhtar.

Menurut Zuraidah, mereka sama-sama membantu penduduk membersihkan rumah mangsa yang mengalami kerosakan.

“Yayasan yang mendapat bantuan daripada orang ramai turut menyampaikan 1,500 dapur gas kepada penduduk di sembilan buah kampung dalam kawasan



ZURAIDAH Atan (baris depan, enam dari kiri) bersama sebahagian siswa yang membantu mangsa banjir di Kemaman, Terengganu, baru-baru ini.

berkenaan,” katanya.

Misi itu akan diteruskan dengan pelbagai bantuan lain dengan menggunakan sumbangan yang diterima oleh YSS.



ZURAIDAH Atan menunjukkan kain rentang mengenai Misi Sukarelawan Siswa Bantuan Banjir.